



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : MPU 2313**  
**PEPERIKSAAN : JANUARI 2024**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)  
BAHAGIAN B (75 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---


**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---





STATE OF TEXAS  
DEPARTMENT OF

NAME NUMBER  
ADDRESS  
CITY STATE ZIP  
TELEPHONE

DATE RECEIVED

THIS IS TO CERTIFY THAT THE ABOVE NAMED PARTY HAS BEEN REGISTERED AS A MEMBER OF THE STATE BAR OF TEXAS

ON THIS DAY OF MONTH YEAR

AT THE CITY OF STATE OF TEXAS

STATE BAR OF TEXAS

OFFICE OF THE CLERK OF THE STATE BAR OF TEXAS

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Maksud aqidah dari segi bahasa ialah
  - A Damai, selamat dan sejahtera.
  - B Tunduk, patuh dan taat.
  - C Ikatan, sangkutan atau menyimpulkan sesuatu.
  - D Kepercayaan, keyakinan atau keimanan yang mantap.
  
2. Bagaimanakah cara menjadikan Islam sebagai al-Deen?
  - A Menjadikan Islam sebagai agama rasmi sesebuah negara
  - B Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam ibadat khusus
  - C Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam semua aspek kehidupan
  - D Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam perundangan jenayah sosial
  
3. Islam terdiri daripada tiga asas utama, iaitu:
  - i. akidah.
  - ii. akhlak.
  - iii. syariah.
  - iv. qari'ah.
  - A i, ii
  - B i, iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii
  
4. Perbahasan manakah antara berikut maksud kepada Tauhid *Rububiyah* kecuali?
  - A Mempercayai Allah sebagai tuhan yang menjadikan alam ini.
  - B Mempercayai segala yang ada di alam ini adalah dalam pengetahuan Allah dan Dialah yang berkuasa memusnahkan alam ini.
  - C Beriman bahawa hanya Allah SWT yang berhak disembah.
  - D Mempercayai kewujudan-Nya sebagai pencipta dan penguasa.

5. Maqasid Syariah untuk menjaga keturunan dan maruah diri boleh dicapai melalui
- A Muamalat.
  - B kewajipan zakat.
  - C pengharaman judi.
  - D pensyariatan perkahwinan.
6. Perkara yang boleh membatalkan iman adalah
- A tidak mengerjakan ibadah yang difardhukan.
  - B percaya Islam sama sahaja dengan agama-agama lain.
  - C melakukan perbuatan yang termasuk ke dalam dosa besar.
  - D menyembunyikan keimanan kerana bimbang nyawa terancam.
7. Manakah antara pernyataan berikut yang benar tentang tugas malaikat yang wajib diketahui?
- A Malik a.s – menjaga neraka.
  - B Ridwan a.s – mencabut nyawa.
  - C Jibrail a.s – meniup sangkakala pada hari kiamat.
  - D Israfil a.s – malaikat yang membawa wahyu kepada rasul dan nabi.
8. Mengapakah hukuman murtad (hukuman bunuh) mesti dilaksanakan kepada orang yang murtad?
- A Demi menjaga maruah umat Islam.
  - B Salah satu tanda keistimewaan syariat Islam.
  - C Sebagai pencegahan agar tidak menular dalam masyarakat.
  - D Satu langkah yang efektif untuk memperkenalkan undang-undang Islam.
9. Minum arak atau minuman yang memabukkan sama ada sedikit atau banyak, mabuk atau tidak memabukkan merupakan satu kesalahan dalam hukuman Islam. Apakah kategori hukuman Islam tersebut berdasarkan pernyataan di atas?
- A Diat.
  - B Qisas.
  - C Takzir.
  - D Hudud.

10. Perkataan berikut mempunyai persamaan maksud dengan konsep *khilafah*, kecuali

- A *Imarah.*
- B *Imamah.*
- C *Khalifah.*
- D *Musawwah.*

11. Manakah antara berikut tanggungjawab ibu bapa kepada anak dalam Islam?

- i. melakukan akikah.
- ii. memberi nama yang baik.
- iii. membelikan pakaian yang berjenama.
- iv. menyediakan bilik tidur yang selesa.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii,iv
- D i,ii,iii

12. Apakah asas muamalat dalam Islam?

- A Peraturan yang menghubungkan manusia dengan harta.
- B Tatacara perhubungan antara manusia dengan Allah SWT.
- C Tatacara bagi memenuhi keperluan manusia di atas persetujuan bersama.
- D Peraturan bagi memenuhi keperluan manusia berlandaskan syariat Allah SWT.

13. Yang manakah tidak menggambarkan hak jiran dari segi perbuatan?

- A Sebagai jiran terdekat, Gilbert selalu menziarahi pakcik Amir yang terlantar sakit selepas terlibat dengan kemalangan.
- B Tayar basikal Muiz pancit dalam perjalanan pulang dari sekolah. Mikael terus mengayuh basikalnya tanpa membantu Muiz walaupun mereka berjiran.
- C Najib pernah terlanggar cermin sisi kereta jirannya semasa hujan lebat. Farhan berlapang dada dan tidak memarahi Najib kerana cermin itu tidak pecah mahupun bercalar.
- D Fadhli, Sathiya dan Jason berjiran sejak kecil. Walaupun berlainan bangsa dan agama, perbezaan itu tidak pernah menjadi penghalang untuk mereka berkawan baik.

14. Khulafa' al-Rashidin merupakan khalifah yang memerintah dan mentadbir Negara Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Mereka ialah pengganti Rasulullah SAW. Manakah antara berikut merupakan individu yang pernah memegang jawatan ini?

- i. Uthman bin Affan r.a.
- ii. Umar bin Abdul Aziz r.a.
- iii. Abu Bakar al-Siddiq r.a.
- iv. Abdullah bin Zubair r.a.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii, iv
- D i, ii, iii

15. Manakah antara berikut tidak berkaitan dengan prinsip pelaksanaan ekonomi Islam?

- A Berteraskan prinsip keadilan dan kebajikan sosial.
- B Semua kegiatan ekonomi hanya bertujuan keuntungan semata-mata.
- C Tiada unsur penipuan atau keaburan yang boleh mengelirukan pelanggan.
- D Penghasilan barangan dan perkhidmatan memberi manfaat kepada pengguna.

16. Kenyataan berikut adalah benar tentang perancangan persekitaran dan penggunaan sumber alam pada pandangan Islam:
- A Manusia boleh melakukan apa sahaja demi pembangunan persekitaran.
  - B Mesti mengikut syariat dan menolak segala perkembangan teknologi yang berkaitan dengannya.
  - C Ia melibatkan tanggungjawab manusia kepada alam dan tiada kaitan dengan tanggungjawab terhadap Allah SWT.
  - D Mengambil kira soal nilai dan akhlak seperti jauh dari unsur kezaliman, pemborosan, pencemaran dan malapetaka.
17. Berikut adalah antara ciri-ciri ajaran sesat kecuali
- A Guru mesti merahsiakan ajarannya.
  - B Guru boleh menebus dosa dengan wang.
  - C Guru sebagai wali dan mempunyai keramat tertentu.
  - D Guru adalah pengikut ajaran Nabi Muhammad SAW.
18. Apakah faktor utama perkembangan ajaran sesat di Malaysia?
- A Umat Islam menjauhi para ulama.
  - B Umat Islam terlalu berpandangan jauh.
  - C Umat Islam terlalu ingin menjadi pemimpin.
  - D Umat Islam menjauhi al-Quran dan al-Sunnah.
19. Pilih pernyataan yang paling tepat:
- A Pegangan agama yang mantap adalah perisai segala cabaran.
  - B Perbuatan homoseksual berpunca daripada sikap sukakan kelainan.
  - C Kepesatan teknologi menjadi punca utama kepada keruntuhan akhlak.
  - D Pergaulan yang terhad menjadi penyebab berlakunya sumbang mahram.

20. Ilmu sains Islam bertujuan untuk memberi kemudahan kepada manusia. Di antara peranan sains Islam ialah

- i. mensyirikkan Allah SWT.
- ii. membawa manusia supaya bertafakkur.
- iii. melalaikan manusia untuk mengerjakan amal.
- iv. membantu manusia dalam pelaksanaan syariat.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii, iv
- D i, ii, iii

21. Manakah antara berikut merupakan faktor penyatuan pemikiran dalam kalangan umat Islam?

- A Akidah.
- B Budaya.
- C Bahasa.
- D Adat resam.

22. Punca utama berlakunya budaya gengsterism, penagihan dadah dan lain-lain di kalangan remaja hari ini adalah kerana;

- A Kurangnya penguatkuasaan undang-undang.
- B Mereka mudah terpengaruh dengan rakan sebaya.
- C Kurangnya perhatian ibu bapa dan didikan agama.
- D Terlalu terpengaruh dengan pelbagai bentuk media.

23. Amalan pecah amanah merupakan sikap yang termasuk dalam kategori akhlak;

- A *wasatiyyah*.
- B *syumuliyah*.
- C *mahmudah*.
- D *mazmumah*.



24. Dua prinsip utama yang mendasari pembangunan Islam ialah
- A modenisasi dan kemakmuran.
  - B perindustrian dan pemakanan.
  - C pembangunan fizikal dan rohani.
  - D pembangunan material dan mental.
25. Berikut ialah etika yang perlu diambil perhatian oleh pakar-pakar sains, teknologi dan ICT Islam kecuali
- A adil dalam pengagihan hasil manfaat.
  - B eksploitasi dalam bentuk kemakmuran.
  - C mengutamakan kepentingan diri sendiri.
  - D tujuan utama ialah membina peradaban manusia.

[25 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Agama Islam mempunyai asas-asas sebagai panduan yang telah ditetapkan dalam kehidupan manusia. Terdapat tiga elemen yang menjadi asas utama agama Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** ciri-ciri akhlak yang baik dalam Islam.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** peranan ibu bapa dalam melahirkan modal insan yang cemerlang.

(9 markah)

**SOALAN 2**

Perkahwinan merupakan tuntutan agama dan menjadi sunnah Rasulullah SAW. Hubungan suami isteri disebut sebagai salah satu rahmat dan tanda kebesaran Allah SWT kepada manusia.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** faktor yang menjadikan sebuah perkahwinan bahagia dan harmoni.

(6 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** implikasi jika seorang suami tidak melaksanakan tanggungjawab dalam rumah tangga.

(9 markah)

**SOALAN 3**

Salah faham terhadap Islam bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat bukan Islam, malah sering juga berlaku dalam kalangan masyarakat Islam sendiri.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** punca berlakunya salah faham terhadap Islam.

(6 Markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** cara menangani salah faham terhadap Islam agar generasi muda tidak tersesat.

(9 Markah)

**SOALAN 4**

Pemeliharaan alam sekitar merupakan satu elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan kehidupan manusia di dunia ini.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** jenis pencemaran alam sekitar yang berlaku di Malaysia.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** langkah mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar.

(9 markah)

**SOALAN 5**

Masalah pergaulan bebas dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) telah lama dibincangkan dan menjadi salah satu isu sosial penting di negara ini. Pelbagai pihak di setiap lapisan masyarakat memandangkan isu ini sebagai satu masalah yang perlu ditangani secara holistik kerana para remaja merupakan generasi yang akan mewarisi negara.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- a. Jelaskan **tiga (3)** kesan ke atas individu sekiranya terlibat dengan gejala pergaulan bebas.


(6 markah)

- b. Bincangkan **tiga (3)** langkah-langkah menghindari gejala pergaulan bebas.

(9 markah)

**[75 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**





○

○